



## ANALISIS

Oleh  
Idzuali Hadi  
Kamilan

# Setiap satu undi penentu masa depan

**P**ada umumnya, seramai 2.3 juta pengundi muda diwartakan melalui Daftar Pemilihan 2012 bagi melayakkan mereka mengundi buat pertama kali.

Sehubungan itu, pengundi berkenaan sudah memenuhi sebahagian haknya sebagai seorang warganegara yang dijamin hak untuk mengundi di bawah Perakara 119 Perlembagaan Persekutuan.

Jumlah ini turut membentuk 20 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi rakyat Malaysia yang dicatatkan seramai 13.3 juta.

Namun, jauh lebih penting adalah figura betapa 5.5 juta pengundi pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) kali ini adalah pengundi berusia bawah 40 tahun yang membentuk 40 peratus.

Justeru, sebagai pengundi muda terdapat peruntukan undang-undang yang harus difahami agar mereka dapat menjalankan tanggungjawab sebagai pengundi dengan baik dan sempurna.

Antara peruntukan undang-undang perlu diketahui berdasarkan peruntukan di dalam Akta Kesalahan-Kesalahan Pilihanraya 1954 dan Peraturan-Peraturan (Perjalanan Pilihanraya) 1981.

Bagaimanapun, peraturan ini lebih dominan dan wajar diketahui sebagai pengundi berbanding Akta Kesalahan Pilihanraya yang ada.

Berdasarkan Peraturan-Peratu-

ran Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 yang sudah diwartakan menjelaskan dua pindaan penting iaitu penggunaan dakwat kekal dan pengiring kepada orang kelainan upaya (OKU).

PRU-13 mencatatkan sejarah baru memandangkan buat pertama kalinya penggunaan dakwat kekal dengan setiap pengundi akan dicalit jarinya sebelum diberikan kertas undi.

Ini kerana bermula sejak 1955 hinggalah PRU-12 pada 2008, negara kita tidak pernah menggunakan dakwat kekal sebagai jaminan bahawa pengundi tidak boleh mengundi kali kedua.

Walaupun pada PRU-12 SPR bersetuju menggunakan dakwat kekal, disebabkan terdapat ura-ura adanya dakwat kekal yang sudah dibeli pihak yang tidak bertanggungjawab dari negara luar dan cuba diseludup menyebabkan kerajaan membatalkan hasrat itu.

Justeru, usaha SPR bagi memastikan ketelusan ini harus dipuji memandangkan pada masa sama beberapa negara seperti Indonesia, Pakistan, India dan sebagainya turut menggunakan kaedah sama bagi memastikan pengundi tidak boleh mengundi buat kali kedua kerana dakwat ini kekal bagi tempoh yang agak lama.

Bagi umat Islam, mereka tidak perlu gusar memandangkan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan melalui Pengerusinya Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Hu-

sin menyatakan penggunaan dakwat kekal ini adalah harus dan dibenarkan. Ini bersandarkan tiga sebab utama iaitu tidak najis, tidak memudaratkan serta boleh menyeras air.

Justeru, umat Islam di negara ini masih boleh menunaikan solat walaupun jari telunjuk kirinya dicalitkan dengan dakwat ini.

Pada hari pengundian kelak, pengundi muda dan baru pertama kali mengundi perlu menunjukkan kad pengenalan mereka bagi memastikan identiti pengundi. Selepas itu, pengundi akan disebut nama dan nombor kad pengenalannya oleh kerani SPR pertama. Kemudian, kerani SPR kedua akan mencalit dakwat kekal di jari telunjuk kiri dan kerani ketiga akan menyerahkan dua borang kertas undi yang terdiri daripada kertas undi peringkat Parlimen dan kertas undi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Pengundi wajib memangkah di kotak kosong yang disediakan bagi mengelakkan kertas undi di anggap rosak dan jangan sesekali pengundi cuba menyeludup keluar kertas undi kerana ia satu kesalahan di bawah seksyen 3(h) di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya 1954 yang boleh dikenakan hukuman penjara dua tahun dan denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

Tambahan lagi adalah pindaan baru 2012 berhubung dengan pengiring bagi pengundi OKU.

Jika pada pilihan raya umum lalu, pengundi OKU hanya boleh

diiring oleh ahli keluarga terdekat, pindaan 2012 membenarkan sesiapa sahaja mengiringi pengundi OKU khususnya petugas parti.

Bagaimanapun, pengiring ini perlulah memastikan mereka mendapat kebenaran dan perakuan daripada pengundi OKU terbabit bagi membolehkan mereka dibenarkan mengiringi mereka. Ini dapat dilakukan apabila pengiring mengisi borang 10 yang disediakan bagi tujuan terbabit.

Bagi memastikan proses perjalanan pilihan raya kali ini mesra OKU, SPR turut sama melantik badan bukan kerajaan (NGO) yang terdiri daripada Gabungan Peratuan Orang Cacat Malaysia.

Ini bagi membolehkan SPR menambah baik undang-undang dan peraturan-peraturan pilihan raya, khususnya bagi OKU untuk membolehkan kemudahan sama turut dibuat bagi mempermudah urusan mereka menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi.

Bagi memastikan rakyat memahami fungsi dan peranan SPR, institusi ini bergerak secara proaktif selain sentiasa mengemas kini laman webnya untuk mendidik rakyat agar mengetahui hak mereka sebagai pengundi.

Dengan pelbagai media cetak dan elektronik, kemudahan dan pendidikan demokrasi yang dilakukan SPR bolehlah dianggap berkesan. Namun, usaha ini akan menjadi sia-sia jika pengundi yang sudah mendaftarkan diri sebagai pengundi tidak turun me-

ngundi pada hari pengundian.

Jika pengundi tidak dapat mengundi disebabkan majikan tidak membenarkannya, majikannya sebenarnya melakukan kesalahan di bawah seksyen Seksyen 3(n) yang menyatakan bahawa 'menghalang seseorang yang layak mengundi daripada mengundi di kawasannya' adalah satu kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya 1954. Oleh yang demikian, pengundi harus diperingat berulang kali bahawa setiap undi itu sangat berharga.

Jika setiap pengundi di Malaysia menghadami dan membaca buku tulisan Alexander Keyssar yang bertajuk 'The Right to vote: The Contested history of democracy in the United States', penulis pasti setiap pengundi di Malaysia akan lebih menghargai setiap undian mereka memandangkan sejarah pengundi di Amerika Syarikat yang bukan sahaja dihalang mengundi disebabkan agama, warna kulit, gender malahan disebabkan etnik, bangsa, umur dan sebagainya.

Dengan sejarah yang panjang inilah hari ini setiap warganegara di negara Uncle Sam itu amat menghayati erti setiap undi.

**Penulis kini melanjutkan pengajian pada peringkat PhD dalam Undang-Undang Perlembagaan di Fakulti Undang-undang, UKM selain menjadi pensyarah sambilan di USIM.**